



MAKLUMAN SUSULAN SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) MENGENAI TANGGUNGJAWAB MENYELESAIKAN HUTANG KEPADA KERAJAAN

Dimaklumkan bahawa, surat edaran JPA rujukan JPA/PEN/144/36 Jld.2(1) bertarikh 17 Oktober 2016 telah **dibatalkan** melalui surat edaran baru rujukan JPA/PEN/144/36 Jld.2 (2) bertarikh 31 Oktober 2016. Seperti yang telah dijelaskan dalam **perenggan 5** surat edaran bertarikh 31 Oktober 2016, bayaran balik pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) adalah berdasarkan persetujuan bersama dalam perjanjian pembiayaan yang telah dibuat di antara Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia (BPP) sebelum ini atau LPPSA.

Sehingga kini, tiada apa-apa perubahan dasar dan prosedur baru yang dibuat berhubung potongan tersebut. Ansuran bayaran balik pembiayaan perumahan adalah seperti sedia ada.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

Nota: Sila klik [di sini](#) untuk mendapatkan salinan surat edaran JPA rujukan JPA/PEN/144/36 Jld.2 (2) bertarikh 31 Oktober 2016.